

Hadi boleh dianggap bersubahat dedah dokumen kerajaan — PM

UM 2 U SEP 2002
PUTRAJAYA 19 Sept. — Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang boleh dianggap bersubahat mendedahkan dokumen kerajaan apabila dengan sengaja menerima maklumat rahsia daripada pegawai kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad percaya pihak yang bertanggungjawab akan mengambil tindakan sewajarnya dalam perkara ini.

“Saya tidak tahu sama ada dakwaan itu benar atau tidak. Tetapi kalau dia sengaja menghasut pegawai (membocorkan maklumat) ini adalah satu kesalahan.

“Sama juga kalau pegawai itu telah mendedahkan suatu rahsia kerajaan satu kesalahan tetapi orang yang sengaja (menerima maklumat) itu boleh dikatakan bersubahat,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditanya mengenai dakwaan Abdul Hadi bahawa terdapat pegawai kanan kerajaan memberi maklumat bagi membantu pembangkang

merangka apa yang dinamakan Strategi Belanjawan Alternatif 2003.

Perdana Menteri ditemui ketika meninjau persiapan terakhir penyediaan teks ucapan Belanjawan 2003 di bangunan Khazanah Malaysia di sini malam ini.

Kelmarin, Abdul Hadi yang juga Ketua Pembangkang di Parlimen mendakwa rangka belanjawan pakatan pembangkang itu berasaskan maklumat yang diperoleh daripada pegawai kerajaan.

Dr. Mahathir berkata, Abdul Hadi sepatutnya tidak menggalakkan perbuatan tidak bertanggungjawab itu kerana ia boleh menjejaskan pentadbiran sesebuah kerajaan.

“Kalau ada pegawai macam ini, payahlah nak ada kerajaan. Nanti kalau berlaku padanya mungkin dia marah.

“Jadi jangan mulakan sesuatu yang kita sendiri tak suka berlaku pada kita, jangan buat pada orang lain, tak baiklah, ini benda yang salah,” katanya.